

## BAB 6 : PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA ( STRUKTUR )

11. Selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, sistem pemerintahan Islam telah diteruskan melalui sistem pentadbiran yang diketuai oleh khalifah.

- a. Jelaskan maksud khalifah dalam konteks agama.

.

---

---

[ 2 markah ]

- b. Nyatakan **empat** tugas khalifah dalam bidang politik.

.

---

---

---

[ 4 markah ]

- c. Apakah iktibar yang anda dapat daripada usaha dan pembaharuan yang dilakukan oleh para khalifah pada zaman Khulafa al-Rasyidin?

.

---

---

---

---

[4 markah]

## BAB 6 PEMBENTUKAN KERAJAAN ISLAM DAN SUMBANGANNYA

12 Penaklukan Constantinople oleh Mehmed Fatih menandakan bermulanya penyebaran Islam di kawasan Eropah Timur. Antara faktor penyebaran Islam tersebut dengan adanya tentera Janissari dan semangat Ghazi di bawah kepimpinan Mehmed Fatih.

- a. Apakah yang dimaksud dengan semangat Ghazi dan tentera Janissari?

[4 markah]

- b. Terangkan faktor-faktor kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyah menyebarkan Islam di Eropah.

[8 markah]

- c. Islam membawa kehidupan yang lebih sempurna dan mementingkan kesejahteraan.

Bagaimanakah ciri-ciri kehidupan sosial yang dicadang oleh Islam?

[8 markah]

**Bab 6: Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangnya**  
**Tingkatan 4**

Soalan 11		Perincian / Butiran	Markah
a	F1 F2 F3 F4	<p><b>Jelaskan maksud khalifah dalam konteks agama.</b></p> <p>Memelihara kesucian agama Islam          Bertanggungjawab mengekalkan keharmonian umat Islam          Mengekalkan kestabilan umat Islam          Menyebarluaskan dakwah Islam</p> <p>(Mana-mana 2 x 1m)</p>	1 1 1 1 [ 2 markah ]
b	F1 F2 F3 F4 F5	<p><b>Nyatakan empat tugas khalifah dalam bidang politik.</b></p> <p>Sebagai ketua negara          Memastikan kelincinan pentadbiran negara          Mempertahankan negara daripada ancaman musuh          Melantik dan melucutkan jawatan pegawai pentadbir negara          Mengekalkan perpaduan ummah.</p> <p>(Mana-mana 4 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 [ 4 markah ]
c	F1 F2 F3 F4 F5 F6	<p>Apakah iktibar yang anda dapat daripada usaha dan pembaharuan yang dilakukan oleh para khalifah pada zaman Khulafa al-Rasyidin?</p> <p>Mementingkan kesejahteraan ummah          Menjalankan tugas dengan amanah          Tidak mementingkan diri sendiri          Bersikap adil          Gigih berusaha          Cekal dan tabah menghadapi rintangan          Mana-mana yang munasabah</p> <p>(Mana-mana 4 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 1 [ 4 markah ]

## Bab 6 Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangannya

Soalan 12		Perincian / Butiran	Markah
a		<p><b>Apakah yang dimaksud dengan semangat Ghazi dan tentera Janissari?</b></p> <p><b>Semangat Ghazi</b></p> <p>F1 Semangat kepahlawanan  F2 Sanggup berkorban  F3 Menyebarluaskan Islam</p> <p><b>Tentera Janissari</b></p> <p>F4 Tentera elit yang terlatih  F5 Diberi latihan fizikal dan taktik peperangan  F6 Dilatih sejak dari kanak-kanak</p>	<p>(Mana-mana 4 x 1m)</p> <p>[ 4 markah ]</p>
b		<p><b>Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan kejayaan kerajaan Turki Uthmaniyyah menyebarkan Islam di Eropah.</b></p> <p>F1 Pegangan akidah yang kukuh dan akhlak yang tinggi di kalangan orang Islam  F2 Semangat Ghazi iaitu sanggup berkorban jiwa untuk menyebarluaskan Islam  F3 Sistem ketenteraan yang tersusun serta peralatan senjata yang moden  F4 Tentera Janissari yang sangat terlatih dalam selok-belok peperangan  F5 Keadaan politik yang tidak stabil di Eropah akibat pertelingkahan dan peperangan di kalangan kerajaan-kerajaan kecil di Eropah.  F6 Kejatuhan kerajaan Byzantine telah memberi laluan kepada penyebaran Islam di kalangan masyarakat Balkan  F7 Salah guna kuasa, pergaduhan pemimpin dan kekurangan wang institusi gereja menyebabkan masyarakat Eropah memeluk Islam.  F8 Kerajaan Uthmaniyyah menjalankan dasar diplomasi dan toleransi dengan masyarakat Eropah  F9 Dasar sosial Islam berdasarkan kecermerlangan individu  F10 Kerajaan Uthmaniyyah membina semula sekolah, rumah sakit dan kawasan perdagangan untuk kemudahan rakyat  F11 Penghijrahan orang Turki termasuk pendakwah ke kawasan Balkan.  F12 Pengajaran ahli kumpulan sufi yang banyak menekankan toleransi dan asimilasi dalam ajaran mereka telah berjaya menarik orang Eropah memeluk Islam</p>	<p>(Mana-mana 8 x 1m)</p> <p>[ 8 markah ]</p>

c	<b>Bagaimanakah ciri-ciri kehidupan sosial yang dicadang oleh Islam?</b>	
	F1 Tiada perbezaan taraf seseorang kecuali takwa	1
	F2 Dasar sosial berdasarkan kecemerlangan individu bukan keturunan	1
	F3 Setiap individu ada peranan dan tanggungjawab masing-masing	1
	F4 Sifat berdisiplin sangat penting mengawal diri dan perasaan	1
	F5 Perpaduan ummah sangat diutamakan	1
	F6 Bantu membantu mengukuhkan hubungan sesama insan	1
	F7 Bertoleransi menjamin keharmonian	1
	F8 Amanah dalam melaksanakan tugas Mana-mana yang munasabah	1
(Mana-mana 8 x 1m)		[ 8 markah ]